SOALAN NO. 367

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN RAMLI BIN MOHD NOR (CAMERON HIGHLANDS)

SOALAN : NO. 367

TUAN RAMLI BIN MOHD NOR [Cameron Highlands] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan bagi projek-projek di bawah peruntukan Bajet 2019 iaitu sebanyak RM100 juta serta:

(a) berapa peruntukan yang diluluskan untuk menaik taraf infrastruktur terutamanya jalan raya di kawasan Parlimen Cameron Highlands; dan

(b) jika projek tersebut telah diluluskan, bilakah tarikh mula dan tarikh jangka siap bagi semua projek-projek berkenaan.

JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Sebanyak 11 projek diluluskan bagi Parlimen Cameron Highlands di bawah *Rolling Plan* Keempat (RP-4) Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dengan peruntukan tahun 2019 sebanyak RM26.21 juta. Daripada 11 projek berkenaan, tujuh merupakan projek fizikal binaan dan infrastruktur manakala satu merupakan projek kemudahan awam (air) dengan melibatkan peruntukan berjumlah RM23.11 juta.

Tarikh mula semasa dan jangkaan tarikh siap semasa bagi projek-projek berkenaan adalah berbeza mengikut skop dan jadual projek masing-masing.